

Norazlina Abd Jalil

From: Mohd Amerul Shafiz Bin Hasbullah <amerul@uum.edu.my>
Sent: Sunday, 17 May, 2020 10:18 AM
To: norazlinaabdjalil@gmail.com
Subject: Fw: Manfaat Masa PKP Dengan Belajar

Daripada: UUM CORPORATE COMM.
Dihantar: 04 Mei 2020 11:56
Kepada: UUM - All Staff; UUM - All Students
Subjek: Manfaat Masa PKP Dengan Belajar




UUM Corporate Comm.
Universiti Utara Malaysia

4 MEI 2020 / 11 RAMADAN 1441H
=====

"UUM : UNIVERSITI PENGURUSAN TERKEMUKA"
(THE EMINENT MANAGEMENT UNIVERSITY)

Berita dan gambar oleh: PBS

MANFAAT MASA PKP DENGAN BELAJAR



UUM ONLINE: Kelas protokol pelajar yang diwujudkan oleh Pusat Budaya dan Seni (PBS) merupakan salah satu inisiatif bagi melahirkan pegawai protokol yang berkemahiran.

Pengarah PBS, Asmawiza Hussin berkata, tujuan kelas protokol ini diwujudkan adalah untuk melatih dan melahirkan pegawai protokol pelajar untuk menjadi pegawai pengiring bagi acara universiti di peringkat kebangsaan dan antarabangsa.

Menurutnya, kelas itu juga adalah bagi mewujudkan kumpulan pelajar yang memiliki ilmu pegawai protokol tetamu atau *liaison officer* yang bersikap profesional dan matang semasa pelaksanaan tugas, di samping memastikan pelajar dapat memahami tugas dengan teliti dan dapat mengawal serta menguruskan kepelbagaian isu yang wujud semasa tugas dengan bijak dan bertoleransi.

“Dengan ini jelas menunjukkan bahawa pelajar perlu menggunakan waktu yang terluang dengan perkara yang lebih bermanfaat selain berehat.

“Kelas yang diadakan ini mendapat sambutan yang baik daripada pelajar UUM terutamanya pelajar yang berdaftar di bawah kelab PBS,” katanya.

Sementara itu, Ketua Pegawai Protokol Pelajar, Faisal Nahal berkata, kelas protokol itu merupakan salah satu perkara yang wajib dianjurkan pada setiap tahun kerana terdapat banyak program dan majlis rasmi yang dianjurkan oleh pihak UUM dan PBS.

Justeru, katanya, kelas protokol ni sangat sesuai kepada semua pelajar dan seluruh warga UUM untuk menjalankan tugas mengikut etika yang tepat sebagai Pegawai Pengiring Khas atau Pegawai Pengiring Majlis.

Sesi kedua telah diadakan baru-baru ini menerusi telesidang video Webex yang mana Pengarah PBS selaku jurulatih telah mengadakan kelas secara maya sepanjang Perintah Kawalan Pergerakan (PKP).



Please consider the environment before printing this e-mail



Universiti Utara Malaysia Official Website <http://www.uum.edu.my>

Disclaimer: This e-mail (including any attachments) may contain confidential information. If you are not the intended recipient, you are hereby notified that any review, distribution, printing, copying or use of this e-mail is strictly prohibited. If you have received this e-mail in error, please notify the sender or Universiti Utara Malaysia (UUM) immediately and delete the original message. Opinions, conclusions and other information in this e-mail that do not relate to the official business of UUM and/or its group of companies shall be understood as neither given nor endorsed by UUM and UUM accepts no responsibility for the same. All liability arising from or in connection with computer viruses and/or corrupted e-mails is excluded to the fullest extent permitted by law.